

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN PROJEK LAGU PERGAULAN MALAYSIA  
Lokasi : HOTEL MERLIN, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 09-08-1985

Yang Berhormat, Datuk Dr. James P. Ongkili, Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri serta Datin;

Dif-Dif Kehormat; Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Izinkan saya terlebih dahulu menyampaikan penghargaan kepada Jabatan Perpaduan Negara kerana menjemput saya pada petang ini untuk menyampaikan sepatah dua kata dan seterusnya melancarkan Projek Lagu Pergaulan Malaysia, anjuran Jabatan ini.

2. Saya difahamkan bahawa lagu nyanyian yang telah dipilih dan dikumpulkan dalam projek ini adalah merupakan lagu-lagu rakyat yang telah digubah oleh rakyat Malaysia sendiri pada suatu masa dulu, dan yang boleh dikatakan telah diterima oleh semua lapisan masyarakat di negara ini. Saya berasa sukacita kerana Jabatan Perpaduan Negara telah mengambil daya usaha untuk mempopularkan lagu-lagu ini dengan menerbitkannya melalui satu album kaset radio.

3. Sememangnya negara kita mempunyai perbendaharaan muzik dan lagu yang diwarisi semenjak dari turun-temurun lagi, tetapi yang ada sekarang ini telah digubah untuk disesuaikan dengan keadaan semasa. Bagaimanapun akhir-akhir ini kita perhatikan bahawa dalam acara-acara tertentu, seperti yang melibatkan nyanyian beramai-ramai, kurang sangat dinyanyikan lagu-lagu seperti ini, malah semakin banyak ditonjolkan lagu-lagu asing yang diimport dari luar negeri. Jadi penghayatan serta pengamalan Lagu Pergaulan Malaysia ini diharap bukan sahaja akan mengurangkan berleluasanya lagu-lagu asing, bahkan yang lebih penting ialah untuk menyemai semangat cintakan negara dan memupuk identiti Malaysia.

4. Sehubungan dengan ini, saya ingin menyarankan supaya kumpulan Lagu Pergaulan Malaysia dipopularkan di mana-mana sahaja terdapat majlis keramaian serta juga perhimpunan, seperti di pesta belia, badan-badan sukarela termasuk pengakap dan pandu puteri, di pusat-pusat pelancungan dan juga di tempat-tempat awam, seperti di Lapangan Terbang, Perhentian Keretapi dan di kompleks membeli-belah, iaitu melalui sistem 'piped music'. Dengan ini juga kita dapat memperkenalkan kepada pelancung-pelancung dari luar negeri akan lagu-lagu kita sendiri yang harus kita banggakan, yang saya rasa, tidak kurang menariknya daripada segi rentak dan iramanya.

5. Projek Lagu Pergaulan Malaysia merupakan satu usaha seranta Jabatan Perpaduan Negara dengan kerjasama dan bantuan lain-lain agensi Kerajaan terutama sekali pihak Sistem Penerbangan Malaysia atau MAS, serta juga Kementerian Pelajaran, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, RTM dan lain-lain lagi. Kerjasama seperti ini sangat-sangat dialu-alukan kerana selain daripada membantu dalam memupuk identiti negara, projek ini adalah penting daripada segi membantu dalam mengembangkan satu cabang kesenian, yang dapat memperkukuhkan lagi kebudayaan Malaysia.

6. Dalam hal ini adalah baik jika agensi-agensi Kerajaan memikirkan kemungkinan untuk menyediakan kaset Lagu Pergaulan Malaysia ini sebagai cenderamata kepada pelawat-pelawat dari luar negeri yang ada kaitan dengan bidang tugas agensi-agensi tersebut. Seterusnya pihak RTM dan TV3 boleh diminta untuk mempopularkan lagu-lagu ini dalam rancangan siaran mereka. Sekolah-sekolah serta institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini dan juga perwakilan-perwakilan kita di luar negeri, termasuk Jabatan- Jabatan Penuntut Malaysia di harap juga supaya menyebarkan lagu-lagu ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

7. Adalah tidak keterlaluan rasanya untuk saya mencadangkan supaya sektor swasta, iaitu pihak-pihak

yang mengadakan hiburan, seperti hotel-hotel, untuk menggalakkan pemuzik dan penyanyi mereka, termasuk dari negara asing, memasukkan Lagu Pergaulan Malaysia dalam senarai persembahan mereka di Malaysia. Dalam hal ini mungkin Kementerian Dalam Negeri atau Jabatan Imigresen berserta dengan Penguasa Tempatan ingin menimbangkan bagi mensyaratkan penganjur- penganjur supaya memasukkan Lagu Pergaulan Malaysia sebagai salah satu daripada kumpulan lagu-lagu yang akan dipersembahkan di tempat-tempat hiburan.

8. Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas serta tahniah kepada Jawatankuasa Projek Lagu Pergaulan Malaysia di atas usaha mereka ini. Saya difahamkan bahawa sebanyak 18 buah lagu yang telah diterbitkan ini merupakan kumpulan pertama yang diusahakan oleh Jabatan Perpaduan Negara, dan Jabatan ini akan meneruskan lagi usahanya untuk menimba lagu-lagu tradisi daripada perbendaharaan muzik Malaysia yang sememangnya kaya.

9. Dengan ini saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Pelancaran Lagu Pergaulan Malaysia pada petang ini.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.